

Penyelesaian Cabaran Privasi dan Keselamatan Data dalam Era Digital: Analisis Tematik Terhadap Hadis Sahih Muslim

[Solutions to Privacy Challenges and Data Security in the Digital Era: A Thematic Analysis of Hadiths from Sahih Muslim]

Muhammad Aizat Syimir Rozani ^{1*}, Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad ² & Muhammad
 Hamizan Abd Aziz ³

¹ Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

² Jabatan Quran dan Sunnah, Akademi Pengajian Quran dan Sunnah,
 Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

³ Jabatan Usuluddin, Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka

* Corresponding Author: Muhammad Aizat Syimir Rozani, Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, aizatsyimir@uis.edu.my.

Kata Kunci:

Cabaran privasi,
 Keselamatan data, Era
 digital, Hadis, Sahih Muslim

ABSTRAK

Islam menegaskan prinsip pemeliharaan maruah dan kehormatan manusia sebagai asas kehidupan bermasyarakat sebagaimana yang terkandung dalam *maqāsid al-Qur'ān* dan ditegaskan melalui pelbagai ayat yang melarang pencerobohan privasi serta menuntut penghormatan terhadap hak individu. Namun, dalam era digital masa kini, prinsip tersebut berhadapan cabaran besar apabila isu privasi dan keselamatan data menjadi semakin kritikal, termasuk peningkatan melampau kes kebocoran data, eksploitasi maklumat peribadi dan kelemahan tadbir urus siber. Beban permasalahan ini semakin ketara apabila kerangka undang-undang seperti PDPA masih memiliki kelompondan, manakala pendekatan akademik sedia ada lebih banyak bertumpu kepada model barat dan kurang mengintegrasikan nilai Islam sebagai lapisan etika pelengkap. Kekurangan kajian sistematik yang meneliti hadis-hadis Nabi SAW sebagai panduan etika digital turut mewujudkan jurang dalam usaha membangunkan solusi berasaskan wahyu. Schubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis secara tematik hadis-hadis terpilih daripada *Ṣaḥīḥ Muslim* untuk merumuskan prinsip penyelesaian terhadap cabaran privasi dan keselamatan data. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis dokumen terhadap 10 hadis daripada *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb*, meliputi larangan prasangka dan intipan, perlindungan terhadap maruah dan harta serta keutamaan menutup aib. Hasil analisis menunjukkan bahawa hadis-hadis tersebut membentuk kerangka etika privasi yang menyeluruh, menegaskan penjagaan rahsia, pemeliharaan maruah dan kebertanggungjawaban dalam pengendalian maklumat sebagai asas utama. Prinsip-prinsip ini berpotensi menjadi asas penting dalam pembentukan garis panduan, polisi serta amalan keselamatan data dan teknologi digital termasuk kecerdasan buatan yang lebih beretika, holistik dan selaras dengan ajaran Islam.

Keywords:

Privacy challenges, Data
 security, Digital era,

ABSTRACT

Islam emphasises the principle of preserving human dignity and honour as a foundational element of social life, as reflected in the

Hadiths, Sahih Muslim

maqāsid al-Qur'ān and reinforced through numerous Qur'anic verses that prohibit the violation of privacy and uphold individual rights. However, in today's digital era, these principles face significant challenges as issues of privacy and data security become increasingly critical, including the alarming rise in data breaches, exploitation of personal information and weaknesses in cyber governance. This problem is compounded by gaps within existing legal frameworks such as the PDPA, while current academic discourse predominantly relies on Western models and insufficiently integrates Islamic values as an ethical complement. The lack of systematic studies examining Prophetic traditions (hadith) as ethical guidance for digital governance further widens this gap in efforts to develop solutions grounded in revelation. Therefore, this article aims to analyse selected hadiths from Ṣaḥīḥ Muslim through a thematic approach to formulate principles addressing privacy and data security challenges. This study adopts a qualitative methodology using document analysis on ten hadiths from Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, covering themes of prohibited suspicion and intrusion, protection of dignity and property and the virtue of concealing faults. The findings indicate that these hadiths construct a comprehensive ethical framework for privacy, emphasizing the safeguarding of secrets, the preservation of human dignity and responsibility in handling information as core principles. These values offer significant potential as a foundational reference for formulating guidelines, policies and best practices for data security and digital technologies, including artificial intelligence that are ethical, holistic and aligned with Islamic teachings.

Received: Disember 03, 2025

Accepted: March 04, 2026

Online Published: June 30, 2026

1. Pendahuluan

Islam menegaskan prinsip pemeliharaan maruah dan kehormatan manusia sebagai asas dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini dijelaskan oleh al-Qaraḍāwī (2000) di dalam karyanya “*Kayf nata'āmal ma'ā al-Qurān al-Āzīm*” bahawa di antara tujuan al-Quran (*maqāsid al-Qurān*) adalah untuk menjaga kemuliaan manusia dan hak-haknya. Kenyataan ini adalah bersandarkan kepada sejumlah besar ayat-ayat suci al-Quran yang mendasari tujuan al-Quran ini seperti firman Allah SWT dalam surah al-Isrā' [17], ayat ke-70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَحْشِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ۝٧٠﴾

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Ayat ini merupakan kenyataan Allah SWT yang jelas tentang kemuliaan yang diberikan kepada manusia dalam bentuk yang pelbagai seperti ilmu, akal, utusan rasul, penurunan kitab, para wali dan insan yang terpilih juga nikmat yang zahir dan batin (Al-Sa'dī 2000). Dalam firman Allah SWT yang lain pula, dapat dilihat bagaimana Islam turut menjaga hak-hak manusia seperti dalam surah al-Nūr [24], ayat ke-27 dan 28:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٢٧ فَإِنْ لَمْ يَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّى يُؤْذَنَ لَكُمْ وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ آرْجِعُوا فَآرْجِعُوا هُوَ أَزْكَى لَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ٢٨

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu).

Maka sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin; dan jika dikatakan kepada kamu "baliklah", maka hendaklah kamu berundur balik; cara yang demikian adalah lebih suci bagi kamu; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

Ayat ini memberikan penegasan tentang pengharaman memasuki ke rumah orang lain sebelum memberi salam dan mendapatkan keizinan daripada tuan rumah demi menjaga maruah diri ahli rumah seperti aurat dan juga kehormatannya (Al-Zuhayli 1991). Justeru, nas-nas ini membuktikan prioriti yang utama diberikan oleh Islam terhadap isu-isu yang melibatkan maruah dan kehormatan manusia.

Namun dalam konteks dunia digital masa kini, isu privasi dan keselamatan data telah berkembang menjadi satu masalah yang memberikan impak negatif terhadap maruah dan hak asasi peribadi individu. Dalam senario Malaysia misalnya, laporan akhbar The Star yang dilaporkan oleh Khoo Gek San, Martin Carvalho dan Junaid Ibrahim pada tahun 2024 merekodkan kenyataan Menteri Digital bahawa laporan menunjukkan peningkatan kes kebocoran data sebanyak 1,192 % pada tahun 2023 dengan 646 kes berbanding tahun 2022 yang hanya merekodkan 50 kes menunjukkan lonjakan drastik dalam pelanggaran data peribadi (San et al. 2024). Lebih membimbangkan lagi apabila Malaysia diletakkan sebagai negara ke-8 paling banyak direkodkan pelanggaran data pada suku ketiga 2023 dengan 494,699 akaun digodam dan purata 5000 lebih akaun bocor setiap hari oleh firma keselamatan siber seperti Syarikat Surfshark (Yeoh 2023). Fenomena ini bukan sahaja menggugat kepercayaan pengguna dalam perkhidmatan digital, malah juga mencerminkan jurang dalam perlindungan maklumat peribadi dan pengurusan risiko siber yang semakin kompleks. Apatah lagi apabila teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) digunakan untuk mengumpul, menganalisis dan memproses data skala besar tanpa kawalan etika yang ketat

Walaupun kerangka undang-undang di Malaysia telah melalui pengemaskinian, terdapat kelompongan yang masih belum ditambah baik untuk menangani cabaran privasi dan keselamatan data di era digital. Kajian Manap et al. (2024) mendapati bahawa prinsip persetujuan di bawah *Personal Data Protection Act* (PDPA) tidak sesuai untuk pengurusan data raya kesihatan, manakala Sholehuddin (2024) menunjukkan bahawa PDPA tidak meliputi sektor awam dan mekanisme penguatkuasaan masih lemah.

Tambahan pula, meskipun wacana mengenai privasi dan keselamatan data telah mendapat perhatian meluas dalam bidang undang-undang, teknologi maklumat dan polisi awam, namun perbincangan akademik masih cenderung bergantung kepada kerangka barat seperti prinsip *data governance*, *cybersecurity compliance* atau model perundangan antarabangsa seperti *General Data Protection Regulation* (GDPR) dan PDPA. Pendekatan ini penting tetapi tidak memadai untuk konteks masyarakat Muslim yang memerlukan penyelesaian yang turut menzahirkan nilai moral dan spiritual Islam. Usaha-usaha ini tidak boleh dipandu semata-mata oleh logik teknikal atau kepentingan ekonomi, sebaliknya perlu dibangunkan atas asas nilai rohani yang seimbang (Abu Bakar et al. 2025). Kajian-kajian sedia ada kurang meneliti bagaimana nilai Islam misalnya prinsip amanah, larangan tajassus, perlindungan maruah dan adab menjaga rahsia boleh berfungsi sebagai lapisan etika yang melengkapkan polisi teknikal. Lebih signifikan, masih kurang penyelidikan yang memfokuskan kepada analisis sistematik hadis Nabi SAW sebagai asas etika digital bagi menangani pencerobohan privasi, ketirisan data dan penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan. Kekosongan ini membuka ruang kajian baharu untuk mengintegrasikan pedoman Nabawi sebagai landasan etika yang dapat mengukuhkan pendekatan keselamatan data dan perlindungan privasi dalam ekosistem digital masa kini. Penelitian sedemikian bukan sahaja menambah dimensi etika berasaskan Islam dalam

perbincangan teknologi, tetapi turut berpotensi menawarkan dasar yang lebih holistik, berakar pada wahyu dan selaras dengan keperluan masyarakat Muslim kontemporari.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis hadis-hadis Nabi SAW yang terkandung dalam Sahih Muslim secara tematik bagi merumuskan panduan penyelesaian terhadap cabaran privasi serta keselamatan data di era digital. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui pendekatan analisis dokumen dengan menumpukan kepada hadis-hadis Nabi SAW yang mempunyai kaitan langsung dengan isu cabaran privasi dan keselamatan data. Proses pemilihan hadis dilakukan secara bertujuan dengan menetapkan beberapa kriteria utama, antaranya: (i) hadis yang mengandungi larangan terhadap prasangka, pencerobohan, pencarian keburukan dan pendedahan aib; (ii) hadis yang menekankan penjagaan maruah, rahsia dan kehormatan individu; serta (iii) hadis yang mempunyai implikasi etika terhadap pengurusan maklumat dan hubungan sosial. Berdasarkan kriteria ini, sebanyak 10 hadis telah dikenal pasti daripada *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb* dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* yang memfokuskan kepada tiga bab sahaja iaitu *Bāb tahrīm al-Zan wa al-Tajassus wa al-Tanāfus wa al-Tanājush wa nahwihā*, *Bāb tahrīm zulm al-Muslim wa khadhliḥ wa ihtiqāriḥ wa damih wa ʿirḍih wa māliḥ* dan *Bāb bishārah man satara Allāh taʿāla ʿaybah fī al-Dunyā bi an yastur ʿalayh fī al-Akhirah..* Namun demikian, hadis-hadis tersebut kemudiannya diringkaskan kepada tiga hadis utama setelah didapati terdapat pengulangan kandungan hadis yang sama dengan perbezaan sanad dan lafaz, tanpa menjejaskan makna dan tema pokok perbincangan.

Seterusnya, analisis tematik dilaksanakan melalui beberapa langkah sistematik, iaitu: pertama, proses pengkodan awal terhadap teks hadis bagi mengenal pasti kata kunci dan konsep utama yang berkaitan dengan privasi, kerahsiaan, amanah dan maruah; kedua, pengelompokan kod-kod tersebut kepada tema-tema besar yang mencerminkan kerangka etika privasi dan keselamatan data; dan ketiga, pentafsiran tema secara analitis dengan merujuk kepada syarahan ulama bagi menjelaskan implikasi etika hadis dalam konteks cabaran digital kontemporari. Melalui pendekatan ini, kajian bukan sahaja mengekalkan ketulenan teks hadis, tetapi turut memastikan proses analisis yang sistematik, telus dan selari dengan objektif kajian. Kesimpulannya, prinsip-prinsip hadis ini berpotensi menjadi rujukan penting dalam pembentukan polisi dan garis panduan penggunaan teknologi termasuk AI yang berasaskan ajaran Nabi Muhammad SAW.

2. Tinjauan Literatur

Bagian ini akan meninjau literatur kajian lepas yang membincangkan aspek pendekatan hadis Nabawi dalam mendepani cabaran era digital dan juga isu privasi dan keselamatan data. Dua aspek ini perlu diteliti bagi menjadi landasan teori dalam merumuskan hasil dapatan kajian yang berkaitan penyelesaian cabaran dan privasi dan keselamatan data dalam era digital berpandukan hadis Sahih Muslim.

2.1 Pendekatan Hadis Nabawi Mendepani Cabaran Era Digital

Nabi Muhammad SAW merupakan ikutan dan panduan dalam kehidupan orang Islam. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Aḥzāb [33], ayat ke-21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ ۚ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۚ ٢١

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Ibn Kathīr (1998) menjadikan ayat ini sebagai asas dan bukti bahawa Nabi Muhammad SAW perlu dijadikan teladan melalui percakapan serta perbuatan dan bukan hanya pada sudut ritual ibadah kehidupan. Hal ini kerana ayat ini sendiri berada di dalam surah yang menceritakan tentang peperangan dan Nabi Muhammad SAW boleh dijadikan teladan dalam aktiviti kehidupan lain meskipun yang tidak berkaitan ritual ibadah seperti solat dan puasa. Menurut Rozani dan Fuad (2021), setiap gerak kerja manusia yang

mengharapkan reda Tuhannya perlulah berpaksi dan berpandukan kepada sabda dan kemahuan Baginda SAW. Justeru, amat wajar menjadikan hadis Nabi Muhammad SAW sebagai panduan dalam mendepani sebarang jua cabaran kehidupan khususnya dalam konteks perbahasan artikel ini, cabaran era digital.

Tinjauan literatur berkaitan “Pendekatan Hadis Nabawi” menunjukkan bahawa terdapat kajian mutakhir ini yang menjadikan hadis Nabi Muhammad SAW sebagai landasan teori dalam menyelesaikan masalah kehidupan. Misalnya, Hasanah dan Busro (2023) yang menganalisis penyebaran maklumat palsu berkaitan COVID-19 di aplikasi WhatsApp dan merumuskan etika komunikasi berpandukan hadis seperti perintah “berkata baik atau diam” serta kewajipan *tabayyun* sebelum menyebarkan maklumat. Usman dan Wazir (2018) pula menumpukan kepada fenomena penyebaran hadis palsu di media sosial dan mengemukakan garis panduan etika berasaskan hadis bagi mengawal *tasharruf* pengguna ketika berkongsi teks hadis dalam talian. Saadiyah, Banyu Biru dan Chelsea Sivana (2021) memperluas perbahasan etika media sosial daripada perspektif komunikasi Islam melalui analisis ayat al-Quran dan hadis, menekankan adab bahasa, larangan *ghibah* dan fitnah serta tanggungjawab moral pengguna. Dalam konteks pembentukan akhlak digital, Amri (2025) menonjolkan etika toleransi dalam hadis sebagai asas moral bagi interaksi Muslim di ruang digital, menunjukkan bagaimana nilai sabar, menahan diri dan rahmah boleh diaplikasikan bagi meredakan konflik di media sosial. Walaupun kajian-kajian ini sudah mencerminkan penggunaan hadis sebagai lensa utama, fokusnya cenderung kepada isu komunikasi seperti berita palsu, gaya bahasa dan interaksi sosial, bukan secara khusus kepada struktur masalah privasi data, kecenderungan algoritma atau pengawasan digital yang semakin kompleks.

Manakala kajian-kajian berkaitan “Pendekatan Hadis Nabawi Mendepani Cabaran Era Digital” menunjukkan bahawa wacana etika digital berasaskan Islam semakin berkembang, namun perbincangan dari perspektif hadis masih belum diterokai secara komprehensif. Secara umum, kajian-kajian awal menumpukan kepada pembinaan prinsip etika teknologi maklumat berasaskan al-Quran dan al-Sunnah secara umum. Masum, Ullah dan Azad (2015), misalnya, merangka prinsip etika IT yang berteraskan konsep amanah, larangan pencerobohan dan tanggungjawab pengguna dengan menjadikan nas-nas al-Quran dan hadis sebagai asas perbahasan sekali gus menegaskan kewajipan moral Muslim dalam dunia siber. Abdallah (2010) pula membincangkan dilema etika ICT dan mencadangkan kerangka penyelesaian berasaskan etika Islam untuk isu seperti kebebasan maklumat, privasi dan penyalahgunaan teknologi. Kedua-dua aliran ini mengesahkan bahawa sumber wahyu termasuk hadis memiliki potensi besar sebagai asas nilai dalam memberikan respon terhadap cabaran digital. Namun penggunaannya lebih bersifat dalil sokongan daripada satu kerangka pendekatan hadis yang tersusun.

Secara perbandingan kritikal, dapat diperhatikan bahawa kajian-kajian terdahulu berkaitan pendekatan hadis Nabawi dalam era digital lebih menumpukan kepada dimensi etika komunikasi dan pembinaan adab pengguna seperti penyebaran maklumat palsu, etika bahasa dan interaksi sosial di media digital. Pendekatan ini penting dalam membentuk akhlak pengguna, namun masih bersifat mikro dan terhad kepada tingkah laku komunikasi individu. Sebaliknya, kajian-kajian berkaitan privasi dan keselamatan data pula didominasi oleh analisis perundangan, teknikal dan dasar awam yang memfokuskan kepada aspek pematuhan undang-undang, pengurusan risiko siber dan rangka tadbir urus data dengan penekanan minimum terhadap dimensi nilai rohani dan etika hadis secara khusus. Walaupun beberapa kajian mengiktiraf peranan prinsip Islam seperti amanah dan kerahsiaan, penggunaannya lazimnya bersifat hukum hakam dan tidak disusun melalui analisis tematik hadis sebagai kerangka etika yang berdiri sendiri. Oleh itu, wujud jurang penyelidikan yang ketara dalam mengintegrasikan pendekatan hadis Nabawi secara sistematik dan tematik bagi menangani isu privasi dan keselamatan data sebagai satu struktur masalah yang kompleks, merangkumi pencerobohan privasi, pengawasan digital dan penyalahgunaan teknologi moden. Artikel ini mengisi jurang tersebut dengan memposisikan hadis-hadis Nabi SAW bukan sekadar sebagai dalil sokongan, tetapi sebagai asas kerangka etika digital yang komprehensif dan berteraskan wahyu.

Secara keseluruhannya, pendekatan hadis Nabawi merupakan asas etika dan bimbingan moral yang sentiasa relevan dalam membentuk akhlak, amanah, penjagaan maruah dan adab interaksi manusia. Namun, kajian-kajian terdahulu yang mengaplikasikan hadis dalam konteks digital masih terhad dan majoritinya tertumpu kepada isu komunikasi seperti penyebaran maklumat palsu atau etika media sosial, sedangkan cabaran era digital kini merangkumi isu yang jauh lebih kompleks seperti kebocoran data, pencerobohan privasi, pengawasan algoritma dan kecerdasan buatan. Rentetan daripada ketiadaan kerangka etika digital yang disusun secara sistematik berdasarkan analisis tematik hadis, maka terdapat keperluan mendesak untuk

mengembangkan pendekatan hadis Nabawi yang lebih menyeluruh bagi mendepani cabaran teknologi moden. Oleh itu, nilai sunnah Nabawi dapat diterjemahkan ke dalam garis panduan, polisi dan amalan digital yang beretika, selamat dan bertepatan dengan kehendak Allah SWT.

2.2 Isu Privasi dan Keselamatan Data

Dalam konteks global, isu berbangkit melibatkan pelanggaran data (*data breaches*) bukan lagi insiden terpencil, tetapi fenomena sistemik dalam ekosistem digital. Malah isu ini mempunyai sifat merentas domain dan tidak terbatas kepada sektor teknologi maklumat semata-mata. Misalnya seperti dalam bidang kesihatan, Filkins et al. (2016) menunjukkan bagaimana ekosistem kesihatan berasaskan peranti boleh pakai, pengkomputeran awan dan rekod kesihatan elektronik telah meluaskan permukaan serangan serta menuntut tahap literasi siber yang lebih tinggi dalam kalangan penyelidik dan pengamal untuk melindungi kerahsiaan data pesakit. Dalam bidang pelancongan pula, Gong dan Schroeder (2022) melalui sorotan sistematik terhadap 38 kajian mendapati bahawa walaupun penggunaan teknologi pintar semakin berkembang, perhatian terhadap privasi maklumat pelancong dan keselamatan data masih tidak seimbang dengan kadar perkembangan teknologi tersebut.

Manakala dalam konteks Malaysia, isu privasi dan keselamatan data berkait rapat dengan kekuatan dan kekangan rangka undang-undang, khususnya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA). Noor Sureani et al. (2021) menegaskan bahawa dekad kebelakangan ini menyaksikan peningkatan ketara pelanggaran dan kebocoran data di Malaysia, termasuk semasa pandemik COVID-19 apabila data kesihatan dan geolokasi dikumpulkan secara besar-besaran. Kajian mereka mempersoalkan sejauh mana PDPA mampu melindungi data rakyat dan melalui perbandingan dengan *Data Protection Act* 2018 di UK, mereka mendapati terdapat jurang ketara dari segi skop perlindungan dan penguatkuasaan. Rentetan daripada kelompokan itu, Munir dan Karim (2021) mencadangkan pindaan substantif terhadap PDPA bagi mengukuhkan hak privasi di era digital.

Usaha menambah baik polisi berkaitan privasi dan keselamatan data ini dilihat selaras dengan prinsip dan nilai-nilai Islam. Hal ini kerana hak kerahsiaan individu disokong oleh prinsip syariah yang diambil daripada al-Quran dan hadis (Lubis & Kartiwi 2013). Justeru, Norwawi, Ibrahim dan Ariffin (2014) mengusulkan rangka etika Islam bagi privasi dalam rangkaian sosial digital dengan menekankan konsep amanah dan perlindungan data sebagai tuntutan agama dalam membina kepercayaan pengguna.

Secara keseluruhannya, isu privasi dan keselamatan data di era digital bukan sahaja berkait dengan ancaman teknikal seperti penggodaman tetapi juga melibatkan persoalan tadbir urus, perundangan, kesedaran pengguna dan dimensi etika yang lebih luas. Walaupun pelbagai instrumen undang-undang, rangka dasar dan pendekatan teknikal telah dibangunkan, namun literatur kajian menunjukkan masih wujud jurang antara perkembangan teknologi dan kapasiti regulatori untuk melindungi hak privasi serta menjamin keselamatan data secara menyeluruh. Jurang ini menjadi asas kepada keperluan penyelidikan lanjut yang lebih interdisiplin dengan menggabungkan perundangan, sains komputer, sains sosial dan juga kerangka nilai Islam bagi merangka model perlindungan data yang lebih holistik, berkesan dan berpaksikan syariat dalam menghadapi realiti digital yang kian kompleks.

Dari sudut sumbangan ilmiah, artikel ini memperkukuh keaslian penyelidikan dengan memposisikan hadis-hadis Nabi SAW dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* sebagai asas kerangka etika digital yang bersifat tematik, sistematik dan aplikatif terhadap isu privasi serta keselamatan data kontemporari. Berbeza dengan kajian etika digital Islam sedia ada yang lazimnya mengemukakan prinsip umum berasaskan al-Quran dan al-Sunnah secara prinsip asas atau menumpukan kepada etika komunikasi dan interaksi media sosial, kajian ini mengaplikasikan pendekatan analisis tematik hadis bagi menstrukturkan panduan etika yang khusus terhadap pencerobohan privasi, pengumpulan data tanpa izin, kerahsiaan maklumat dan pembinaan integriti dalam penggunaan teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI). Dengan meneliti hadis-hadis terpilih daripada *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb*, kajian ini membuktikan bahawa larangan prasangka, intipan, pendedahan aib dan penilaian berasaskan zahir bukan sahaja bersifat moral individu, tetapi membentuk prinsip asas tadbir urus data, pemantauan beretika dan integriti digital berasaskan takwa. Pendekatan ini menampilkan sumbangan baharu dengan menjadikan hadis *Ṣaḥīḥ Muslim* bukan sekadar dalil sokongan, tetapi sumber utama pembinaan etika digital Islam yang relevan, kontekstual dan berupaya melengkapi pendekatan perundangan serta teknikal dalam menangani cabaran keselamatan data dan AI masa kini.

3. Penyelesaian Cabaran Privasi dan Keselamatan Data dalam Era Digital Berpandukan Hadis Nabawi

Bagi merumuskan panduan penyelesaian cabaran privasi dan keselamatan data dalam era digital berpandukan hadis Nabawi, 10 hadis dalam Sahih Muslim telah dipilih untuk dianalisis. Daripada 10 hadis tersebut, tiga hadis dijadikan sampel utama kerana baki tujuh hadis mempunyai matan hadis yang hampir sama. Sehubungan itu, tiga tema utama telah dibentuk sekali gus menjadikannya panduan dalam menyelesaikan cabaran privasi dan keselamatan data dalam era digital. Analisis ini juga menunjukkan hikmah kebijaksanaan Baginda SAW dan juga kerelevanan ajaran Islam yang menjadikan hadis-hadis Nabi SAW boleh diaplikasikan dalam isu moden yang kompleks seperti isu privasi dan keselamatan data.

3.1 Penjagaan Privasi dan Larangan Pengumpulan Maklumat Tanpa Izin

Pencerobohan privasi merujuk kepada sebarang tindakan yang menjejaskan hak seseorang untuk memiliki kawalan ke atas maklumat peribadinya dan ruang peribadi mereka seperti pengintipan, pemantauan atau pendedahan maklumat tanpa kebenaran. Sebagai contoh, Trakic (2023) menjelaskan bahawa “*invasion of privacy*” (pencerobohan privasi) wujud apabila individu mengalami pendedahan, pemantauan atau akses terhadap maklumat peribadi tanpa persetujuan atau tanpa jaminan bahawa maklumat tersebut dikawal secara wajar. Pengumpulan maklumat tanpa hak pula berkaitan dengan pengambilan atau pengumpulan data peribadi seseorang tanpa persetujuan atau di luar skop yang dibenarkan, serta penggunaan data tersebut untuk tujuan selain yang asalnya dimaklumkan kepada pemilik data.

Sehubungan itu, Herath (2023) menyatakan bahawa “*privacy harm is the negative impact on an individual as a result of the unauthorized release, gathering, distillation, or expropriation of personal information*” (kemudaratan privasi ialah kesan negatif yang menimpa seseorang individu akibat pelepasan, pengumpulan, pemprosesan, atau pengambilalihan maklumat peribadi tanpa kebenaran.). Dalam konteks digital masa kini, kedua-dua konsep ini sering muncul bersama. Pengguna berhadapan dengan pengumpulan data besar-besaran tanpa kebenaran jelas (pengikisan data, pengesanan lokasi, profil algoritma) dan pencerobohan terhadap kerahsiaan mereka melalui pemantauan atau pendedahan maklumat yang sepatutnya terkawal.

Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan untuk menjamin keselamatan privasi dan data ini melalui lensa perundangan, misalnya melalui PDPA, namun isu etika dan moral manusia selaku pengguna teknologi tersebut juga tidak boleh dipandang enteng. Kelompongan etika boleh dilihat terletak dalam aspek prasangka buruk dan intipan yang menjurus kepada sangkaan jahat dan mencari-cari kelemahan orang lain. Aspek penjagaan maruah dan rahsia juga tidak diberikan perhatian memadai dalam tatakelola maklumat digital. Hal ini menunjukkan pengguna dan pengendali data sering mengabaikan dimensi moral seperti menghormati privasi orang lain, meminta kebenaran serta menilai implikasi penggunaan data secara kritis. Kekurangan nilai-nilai ini menjadikan teknologi rentan kepada penyalahgunaan dan pelanggaran etika.

Justeru, Islam datang dengan membawa solusi yang menyelesaikan isu etika dan moral tersebut seperti di dalam hadis Nabi Muhammad SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ وَلَا تَحَسَّسُوا وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا تَنَافَسُوا وَلَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا".

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah, Rasulullah SAW bersabda: Hendaklah kalian menjauhi prasangka, kerana sesungguhnya prasangka itu adalah ucapan yang paling dusta. Janganlah kalian mencari-cari berita keburukan orang lain, janganlah kalian mengintip-intip satu sama lain, janganlah kamu saling merasa dengki terhadap yang lain, janganlah kalian saling marah-memarahi dan janganlah kalian permusuhan terhadap satu sama lain. Dan jadilah saudara sesama kalian dan hamba Allah.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilat wa al-Ādāb, Bāb Tahrīm al-Zan wa al-Tajssus wa al-Tanāfus wa al-Tanājush wa naḥwihā*, no. hadis 2563]

Hadis di atas merupakan asas etika privasi dan keselamatan maklumat menurut perspektif Nabawi. Secara jelas, Rasulullah SAW melarang umatnya daripada berprasangka buruk (al-Zan), mencari-cari maklumat tersembunyi (al-Taḥassus), mengintip (al-Tajassus), berdengki, bermusuhan dan memutuskan hubungan. Keseluruhan rangka larangan ini, membentuk sebuah sistem moral yang melindungi hak, maruah dan rahsia seseorang daripada pencerobohan dan manipulasi.

Tindakan “al-Zan” adalah titik mula kepada kerosakan privasi. Al-Qanāzī‘ī (2008) dalam menghuraikan hadis di atas di dalam kitabnya “*Tafsīr al-Muwaṭṭa*” menjelaskan bahawa seorang Muslim wajib menjauhi prasangka buruk. Malah beliau menukilkan bahawa khalifah ‘Alī bin Abī Ṭālib RA melarang seseorang menerima tuduhan terhadap saudaranya tanpa bukti yang jelas dan hanya bersandarkan kepada prasangka semata. Hal ini kerana, rentetan daripada prasangka itu, akan terlahir kebencian (tabāghuḍ) dan hasad yang tidak dikawal (Ibn Baṭṭāl 2003). Akhirnya, perasaan-perasaan negatif ini akan membawa kepada permusuhan. Seterusnya, terdapat hubungan antara prasangka, intipan dan pencerobohan maklumat. Hal ini boleh difahami melalui pendapat al-Qurtubī (1996) di dalam kitabnya “*Al-Mufḥim li mā ashkala min talkhīṣ kitāb Muslim*”. Beliau berpendapat bahawa prasangka membawa kepada tohmahan, manakala tohmahan mendorong kepada intipan dan intipan akhirnya mendedahkan aib yang merosakkan masyarakat. Meskipun kenyataan al-Qurtubī (1996) ini tidak menjurus secara langsung kepada isu pencerobohan maklumat dalam konteks era digital, namun secara prinsipnya ia masih terpakai dan secara realitinya ia mendorong kepada fenomena isu pencerobohan maklumat pada hari ini. Justeru, larangan kepada aktiviti intipan yang akhirnya akan membawa kepada godaan untuk membocorkan maklumat adalah wajib dan perlu ditegah kerana ia adalah usaha menyelongkar perkara tersembunyi yang Allah SWT pelihara (Ibn Baṭṭāl 2003).

Hadis ini turut menekankan prinsip perlindungan dan keselamatan data melalui konsep amanah dan penjagaan rahsia. Al-Qanāzī‘ī (2008) menjelaskan bahawa intipan lazimnya bertujuan menghimpun maklumat untuk mencela atau menjatuhkan maruah. Tambahan pula, proses intipan yang bertujuan menghimpun maklumat sering kali menjadikan mangsa ditanya soalan yang pelbagai bagi tujuan tersebut dalam keadaan yang tidak disukai dan ini amat dilarang di dalam Islam seperti yang dinyatakan oleh Al-Bājī (1914) di dalam “*Al-Muntaqā Sharḥ al-Muwaṭṭa*”. Justeru, proses pengumpulan data yang beretika dengan kadar yang berpatutan amatlah diberikan penekanan oleh Islam dan ia selari dengan polisi “*data minimisation*” (peminimuman data) yang diamalkan pada hari ini. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu, prasangka terhadap individu yang menzahirkan kefasadan adalah diharuskan (al-Fayūmī 2018). Prinsip ini menyerupai polisi “*risk-based assessment*” (penilaian berasaskan risiko) dalam keselamatan siber, iaitu ancaman jelas boleh memadaikan sebagai asas pemantauan. Namun terhadap individu yang menjaga maruahannya, segala bentuk pencarian maklumat tanpa izin tetap haram.

Melalui gabungan pandangan ulama ini, dapat disimpulkan bahawa hadis ini bukan hanya melarang intipan dan sangkaan buruk, tetapi membina kerangka etika privasi yang menyeluruh bermula dari cara berfikir tanpa prasangka, cara mengetahui tanpa mencari-cari keburukan, cara mengakses tanpa intipan hinggalah cara mengurus data dan rahsia dengan penuh bertanggungjawab dan amanah. Seluruh rangka etika ini memberi panduan langsung dalam dunia digital untuk menolak pencerobohan data, membuat profil tanpa izin, keinginan mencari kelemahan orang lain melalui media sosial, pengambilan data secara tersembunyi dan tidak sah serta penyebaran maklumat sensitif. Dalam masa yang sama, hadis ini juga membuka ruang kepada pemantauan yang sah demi kepentingan masyarakat selari dengan kerangka pengawasan beretika dalam keselamatan siber hari ini. Oleh itu, panduan Nabawi ini dapat berfungsi sebagai asas penting dalam pembentukan garis panduan, polisi dan budaya penggunaan data yang berakhlak dalam zaman teknologi moden.

Berdasarkan analisis hadis dan pandangan para ulama terhadap larangan prasangka, intipan dan pengumpulan maklumat tanpa izin, dapat dirumuskan bahawa prinsip Nabawi ini mempunyai implikasi praktikal yang signifikan terhadap pembentukan polisi dan amalan pengurusan data kontemporari. Dari sudut dasar, larangan al-Zan, al-Taḥassus dan al-Tajassus menuntut agar polisi perlindungan data dirangka berasaskan prinsip keizinan yang jelas, tujuan yang sah serta peminimuman data, sejajar dengan tuntutan amanah dan penjagaan maruah manusia. Dalam konteks tadbir urus teknologi dan kecerdasan buatan (AI),

prinsip ini menggesa penggubalan mekanisme pemantauan beretika yang hanya dibenarkan berdasarkan risiko nyata, bukannya pemerhatian menyeluruh atau pengumpulan data secara tersembunyi. Dari perspektif etika organisasi pula, hadis ini menuntut pembentukan budaya kerja yang menghormati privasi, menolak eksploitasi maklumat dan menganggap data sebagai amanah, bukan komoditi semata-mata. Oleh yang demikian, pendekatan hadis Nabawi bukan sahaja berfungsi sebagai panduan moral individu, tetapi turut menyediakan peraturan asas bagi membangunkan polisi data, kerangka keselamatan siber dan tadbir urus teknologi yang lebih beretika, seimbang dan berteraskan nilai Islam.

3.2 Penjagaan Kerahsiaan dan Penutupan Aib

Dalam era digital, isu “*confidentiality*” atau kerahsiaan data menjadi cabaran utama dalam ekosistem keselamatan siber. Perkembangan teknologi seperti IoT, kecerdasan buatan dan analitik data besar telah memperluaskan ruang pencerobohan sehingga data sensitif seperti lokasi, kesihatan dan tingkah laku pengguna lebih mudah dieksploitasi. Filkins et al. (2016) menegaskan bahawa peningkatan penggunaan teknologi digital telah menambah “permukaan serangan” yang menyebabkan kerahsiaan maklumat semakin sukar dipertahankan, sekali gus memberi kesan fizikal, psikologi dan sosial kepada individu. Selain itu, kajian Gong dan Schroeder (2022) mendapati bahawa dalam ekosistem pelancongan, pengguna sering tidak menyedari jumlah data yang dikumpul dan tahap pendedahan maklumat yang berlaku melalui aplikasi digital, menjadikan risiko pelanggaran kerahsiaan semakin tinggi. Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa isu kerahsiaan bukan sahaja masalah teknikal, tetapi persoalan etika dan tatakelola yang menuntut pemulihan nilai amanah, rasa hormat terhadap privasi dan tanggungjawab moral dalam pengendalian maklumat.

Perihal menutup dan menjaga aib ditekankan oleh Nabi Muhammad SAW dalam dua hadis Abū Hurayrah RA:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَسْتُرُ اللَّهُ عَلَى عَبْدٍ فِي الدُّنْيَا إِلَّا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ".

Maksudnya:

Tidaklah Allah menutup aib seorang hamba di dunia melainkan Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilat wa al-Ādāb, Bāb Bishārat man satara Allah ta‘āla ‘aybah fī al-Dunyā bi an yastur ‘alayh fī al-Ākhirah*, no. hadis 2590]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا يَسْتُرُ عَبْدٌ عَبْدًا فِي الدُّنْيَا إِلَّا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ " .

Maksudnya:

Dan tidaklah seorang hamba menutup aib saudaranya di dunia melainkan Allah akan menutup aibnya di akhirat.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilat wa al-Ādāb, Bāb Bishārat man satara Allah ta‘āla ‘aybah fī al-Dunyā bi an yastur ‘alayh fī al-Ākhirah*, no. hadis 2590]

Hadis ini merupakan antara teks paling jelas yang menegaskan prinsip penutupan aib sebagai asas perlindungan maruah manusia dalam Islam. Hadis ini bukan sekadar nas akhlak individu, tetapi mengandungi didikan sosial yang mendalam iaitu sesiapa yang menjaga rahsia, maruah dan kelemahan saudaranya di dunia, Allah SWT akan menjaga maruah dirinya pada hari kiamat. Prinsip ini mencipta kerangka etika yang menghalang permusuhan, fitnah dan kebinasaan sosial. Malah dalam konteks moden, ia membentuk asas moral yang sangat relevan untuk menangani isu privasi dan keselamatan data.

Imam al-Nawawī (1972) menjelaskan bahawa Allah SWT menutup dosa seseorang hamba sebagai tanda kasih, khususnya bagi hamba yang tidak menzahirkan maksiatnya. Penutupan aib ini merupakan bentuk rahmah Ilahi yang menjaga kehormatan manusia daripada aib yang memalukan. Ibn Hajar (1959) memperincikan bahawa maksud “*Allah menutup aib*” ialah perlindungan daripada fitnah dan kehinaan di dunia dan akhirat. Ini menunjukkan bahawa penutupan aib adalah sebahagian daripada aturan Allah SWT dalam menjaga maruah manusia. Ibn Rajab (2000) turut menegaskan bahawa sesiapa yang menutup aib saudaranya akan dilindungi oleh Allah SWT daripada kehinaan di padang mahsyar, manakala al-Qāḍī ‘Iyād (1998) menambah bahawa perlindungan ini adalah bentuk ganjaran rohani kepada mereka yang berakhlak dengan sifat rahmah.

Berdasarkan kepada huraian para ulama ini, hadis tersebut menjadi panduan kepada umat Islam serta teknologi yang dihasilkannya untuk tidak membuka dan menyebarkan aib manusia seperti menyebarkan kesilapan, maklumat memalukan, rakaman peribadi atau tangkap layar individu lain tanpa izin. Tindakan seperti itu ditegah syarak dan turut melanggar prinsip kerahsiaan seperti yang dinyatakan sebelum ini serta bertentangan dengan saranan Nabi Muhammad SAW untuk menjaga dan menutup keaiban manusia. Sebaliknya pula, mereka yang mengikuti panduan Nabawi dalam menjaga keaiban manusia akan dilindungi oleh Allah SWT (Al-Munāwī 1937). Meskipun begitu, menutup aib tidak bermakna melindungi orang yang melakukan kezaliman atau jenayah, tetapi perlindungan kesalahan peribadi yang tidak memudaratkan orang lain (Al-Nawawī 1972). Ibn Hajar (1959) malah memperincikan bahawa penutupan aib adalah berkaitan maklumat yang hakikatnya milik individu, bukan maklumat yang membahayakan masyarakat jika disembunyikan. Justeru, dalam norma era digital, ini bermakna individu dan organisasi perlu membezakan antara data peribadi yang wajib dirahsiakan dan maklumat jenayah atau ancaman keselamatan yang perlu dilaporkan kepada pihak berautoriti.

Secara keseluruhannya, hadis ini menggariskan beberapa pengajaran penting iaitu penjagaan aib dan rahsia adalah di antara tuntutan syarak. Malah, Allah SWT sendiri menutup aib manusia, maka atas alasan apa manusia melakukan yang bertentangan. Oleh itu, mendedahkan aib tanpa hak adalah dosa besar manakala penutupan aib akan membina masyarakat yang saling mempercayai, saling menghormati maruah dan terhindar daripada permusuhan seperti yang dinyatakan oleh Ibn Rajab al-Ḥanbalī (2000).

Berdasarkan analisis hadis penutupan aib dan huraian para ulama, dapat dirumuskan bahawa prinsip kerahsiaan dalam Islam mempunyai implikasi langsung terhadap pembentukan polisi data, tadbir urus teknologi dan etika organisasi kontemporari. Dari sudut polisi perlindungan data, hadis ini menegaskan keperluan mewujudkan mekanisme kawalan akses, pengurusan kerahsiaan dan perlindungan data sensitif yang menghormati hak individu serta mengelakkan pendedahan maklumat tanpa keizinan yang sah. Dalam konteks tadbir urus teknologi dan kecerdasan buatan (AI), prinsip penutupan aib menuntut agar sistem digital direka bentuk dengan mengambil kira perlindungan maruah pengguna, termasuk pencegahan kebocoran data, penyalahgunaan maklumat peribadi dan pendedahan identiti secara tidak wajar. Dari perspektif etika organisasi pula, hadis ini menggariskan tanggungjawab moral institusi dan pengendali data untuk membezakan antara kerahsiaan yang wajib dipelihara dan maklumat yang perlu didedahkan demi keselamatan awam. Oleh itu, pendekatan Nabawi terhadap penjagaan aib dan rahsia bukan sahaja berfungsi sebagai panduan akhlak individu, tetapi turut menyediakan panduan asas yang kukuh bagi membangunkan budaya pengurusan data yang beretika, beramanah dan berpaksikan perlindungan maruah manusia dalam era digital.

3.3 Pembinaan Integriti Digital melalui Takwa

“*Digital integrity*” (Integriti digital) merujuk kepada nilai dan prinsip bahawa maklumat, sistem dan data digital mesti dikendalikan dengan ketulusan, kebolehpercayaan dan ketelusan serta selaras dengan maruah manusia dalam dunia digital. Sebagaimana dinyatakan oleh Rochel (2021), “*digital integrity is a concretization of the protection of human dignity in terms of the specific threats that are posed by digital technologies*” (Integriti digital ialah bentuk pengkonkritan kepada perlindungan maruah manusia terhadap ancaman khusus yang wujud akibat teknologi digital). Dalam erti kata lain, selain aspek teknikal seperti integriti data iaitu data tidak diubah atau dimanipulasi tanpa kebenaran, integriti digital juga merangkumi aspek pengurusan data dan maklumat, perlindungan pengguna dan penjagaan maruah manusia dalam transformasi digital.

Bagi umat Islam, tiada panduan kehidupan yang paling sempurna selain nas al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Justeru, panduan Nabawi dilihat relevan dalam pembinaan integriti digital di era modenisasi ini. Misalnya, hadis Abū Hurayrah RA yang diriwayatkan oleh Imam Muslim ini sangat sesuai dijadikan panduan:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ".

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras kamu dan harta kamu, tetapi Allah melihat kepada hati kamu. dan amalan kamu.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilat wa al-Ādāb, Bāb taḥrīm zulm al-Muslim wa khadhlih wa ihtiqārih wa damih wa irdih wa mālih*, no. hadis 2564]

Hadis ini menjadi asas penting dalam memahami hierarki penilaian Allah SWT terhadap manusia. Hadis ini menegaskan bahawa ukuran kemuliaan manusia tidak bergantung kepada imej luaran, kedudukan sosial, kekayaan atau persepsi yang dibentuk secara zahir, akan tetapi kepada ketulusan hati (ikhlas) dan kualiti amal. Pesanan Nabi SAW ini tidak hanya bersifat moral, tetapi membentuk satu kerangka etika mendasar yang sangat relevan dalam mendepani cabaran teknologi dan dunia digital hari ini.

Menurut al-Nawawī (1972), Allah SWT tidak menilai penampilan fizikal, bentuk tubuh atau apa jua sifat lahiriah manusia kerana semua itu bersifat sementara dan tidak memberi kesan kepada kemuliaan rohani. Tambahan itu, Ibn Hajar al-ʿAsqalānī (1959) menegaskan bahawa nilai manusia di sisi Allah SWT ditentukan oleh keikhlasan batin dan amalan yang benar, bukan rupa atau status. Ibn Rajab al-Ḥanbalī (2000) pula menekankan bahawa nilai hakiki seseorang bertempat pada hati, iaitu pusat niat, takwa dan kejujuran, manakala al-Qāḍī ʿIyāḍ (1998) menambah bahawa kemampuan seseorang menjaga niat dan pemurnian hati menentukan darjatnya di sisi Allah SWT.

Dalam konteks penyelesaian cabaran privasi dan keselamatan data, hadis ini memberi panduan bahawa niat di sebalik pembangunan, latihan data dan penggunaan algoritma adalah asas kepada integriti digital. AI yang digunakan dengan niat memanipulasi, menipu atau mengambil kesempatan adalah bercanggah dengan prinsip “Allah melihat kepada hati kamu”. Al-Qāḍī ʿIyāḍ (1998) menjelaskan bahawa darjat seseorang ditentukan oleh ketulusan hatinya, manakala al-Munāwī (1937) dan Ibn Baṭṭāl (2003) turut menguatkan bahawa amal yang diterima ialah amal yang keluar daripada hati yang bersih dan jujur.

Seterusnya, pemahaman terhadap hadis ini memberi didikan bahawa pengurus data, pentadbir sistem atau mana-mana pihak yang diberi akses kepada maklumat sensitif wajib memiliki hati yang takut kepada Allah SWT serta niat yang benar dalam menjaga data tersebut. Manipulasi data, pencerobohan maklumat, penyimpanan data tanpa izin, pengintipan tanpa sebab yang sah dan penyalahgunaan akses semuanya tercetus daripada hati yang tidak jujur. Oleh itu, hadis ini mengajar bahawa niat yang salah melahirkan tindakan yang salah, sementara niat yang bersih menghasilkan amalan yang amanah dalam menjaga maklumat.

Hadis ini juga menyentuh isu etika pemeliharaan maklumat sensitif. Kata-kata Baginda SAW bahawa Allah SWT melihat hati, bukan rupa menunjukkan bahawa pembangun sistem dan pengendali data perlu memastikan bahawa keputusan mereka dalam perlindungan data tidak didorong oleh keuntungan, ego atau tekanan pihak tertentu. Akan tetapi perlu berdasarkan kepada ketakwaan dan amanah. Hal ini merangkumi niat yang benar dalam menyediakan perlindungan daripada pencerobohan, membina sistem keselamatan, mengawal akses data, menghormati kerahsiaan pengguna dan menjaga maruah digital individu.


Secara keseluruhannya, hadis ini membentuk asas kerangka “Integriti Digital Perspektif Islam” iaitu pendekatan pemeliharaan data yang berpaksikan hati yang bertakwa. Didikan bahawa Allah SWT menilai hati dan amal dan bukan rupa atau kedudukan melahirkan tingkah laku seperti pengurusan data yang mesti

berdasarkan kejujuran, amanah dan tanggungjawab. Hadis ini mengingatkan bahawa setiap bentuk pengurusan data ialah amanah dan pelanggaran privasi atau keselamatan data adalah bentuk pengkhianatan kepada amanah tersebut. Oleh itu, ketakwaan menjadi asas kepada penyelesaian isu privasi dan keselamatan data dengan dengan memandu pengguna, pembangun dan pengurus teknologi untuk menjaga maklumat manusia seperti menjaga maruahnya.

Berdasarkan analisis hadis tentang penilaian Allah SWT terhadap hati dan amal, dapat dirumuskan bahawa pembinaan integriti digital dalam Islam menuntut asas ketakwaan sebagai teras kepada tadbir urus data dan teknologi. Dari sudut polisi data, prinsip ini menekankan keperluan memastikan setiap proses pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan maklumat didorong oleh niat yang sah, telus dan beramanah, bukan semata-mata keuntungan atau kepentingan organisasi. Dalam konteks tadbir urus kecerdasan buatan (AI), hadis ini menuntut agar reka bentuk, latihan dan penggunaan sistem algoritma dipandu oleh integriti dalaman pembangun dan pengendali teknologi, termasuk penolakan terhadap manipulasi data, diskriminasi tersembunyi dan penyalahgunaan akses. Dari perspektif etika organisasi pula, hadis ini menegaskan bahawa perlindungan privasi dan keselamatan data bukan sekadar pematuhan teknikal atau undang-undang, tetapi amanah moral yang akan dipertanggungjawabkan di sisi Allah SWT. Oleh itu, pendekatan Nabawi ini menyediakan panduan asas yang kukuh untuk membangunkan budaya organisasi dan ekosistem digital yang berpaksikan kejujuran, amanah dan tanggungjawab, sekali gus menjadikan ketakwaan sebagai teras utama dalam pembinaan integriti digital dan penyelesaian cabaran privasi serta keselamatan data.

Sebagai kesimpulan terhadap penyelesaian cabaran privasi dan keselamatan data dalam era digital berpandukan hadis Nabawi, keseluruhan hadis-hadis yang dianalisis membentuk satu kerangka etika privasi dan keselamatan data yang komprehensif dalam perspektif Islam. Hadis larangan prasangka, pencarian keburukan dan intipan bukan sekadar menolak pencerobohan privasi tetapi membina asas pemikiran etika yang bermula daripada cara berfikir tanpa syak buruk, cara mencari maklumat tanpa melanggar batas, cara mengakses data tanpa pencerobohan serta cara mengurus rahsia dengan penuh amanah. Dalam konteks moden, prinsip ini menuntut penolakan terhadap pengumpulan data tanpa izin, membuat profil tersembunyi, eksploitasi kelemahan digital dan penyebaran maklumat sensitif sekali gus mengiktiraf keperluan pemantauan beretika bagi tujuan keselamatan masyarakat. Di samping itu, hadis penutupan aib menegaskan bahawa menjaga rahsia dan maruah manusia adalah tuntutan syarak yang selari dengan prinsip kerahsiaan maklumat. Mendedahkan aib tanpa hak adalah dosa besar yang merosakkan hubungan sosial, manakala penutupan aib melahirkan masyarakat yang saling mempercayai, menghormati maruah dan bebas daripada permusuhan. Akhir sekali, hadis tentang hati dan amal membentuk asas integriti digital iaitu konsep bahawa pemeliharaan data dan maklumat mestilah berpaksikan hati yang bertakwa. Kesedaran bahawa Allah SWT menilai niat dan amalan melahirkan pengurusan data yang jujur, amanah dan bertanggungjawab sementara pelanggaran privasi serta keselamatan data adalah satu bentuk pengkhianatan amanah. Maka, ketakwaan menjadi asas terpenting dalam menyelesaikan cabaran privasi dan keselamatan data dengan memandu pengguna, pembangun dan pengurus teknologi agar menjaga maklumat manusia seumpama menjaga maruah dan harga dirinya. Ketiga-tiga penyelesaian cabaran privasi dan keselamatan data dalam era digital berpandukan hadis Sahih Muslim ini dapat diilustrasikan seperti dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Penyelesaian Cabaran Privasi dan Keselamatan Data
dalam Era Digital Berpandukan Hadis Nabawi



Sumber: Rozani et al. (2026)

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini telah mencapai objektif utama dengan membuktikan bahawa hadis-hadis Nabi SAW dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* mampu membentuk satu kerangka etika yang kukuh bagi menangani cabaran privasi dan keselamatan data dalam era digital. Melalui analisis tematik terhadap sepuluh hadis terpilih daripada *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb*, kajian ini merumuskan bahawa prinsip larangan prasangka, pencerobohan maklumat dan pencarian keburlukan menyediaan asas standard yang menolak segala bentuk pengumpulan data tanpa izin, membuat profil tersembunyi, eksploitasi maklumat serta pencerobohan privasi. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja mengatur cara manusia berfikir dan mencari maklumat, tetapi juga membentuk disiplin moral dalam cara mengakses, mengurus dan melindungi data daripada penyalahgunaan. Dapatan ini selari dengan jurang signifikan yang ditemui dalam tinjauan literatur, iaitu ketiadaan kerangka etika digital yang komprehensif berasaskan panduan hadis bagi menangani isu kebocoran data, pengawasan algoritma dan ancaman keselamatan informasi yang semakin kompleks.

Tambahan pula, analisis terhadap hadis penutupan aib mengukuhkan hakikat bahawa penjagaan rahsia dan maruah adalah tuntutan syarak yang selari dengan prinsip kerahsiaan maklumat dalam keselamatan data moden. Dapatan ini menunjukkan bahawa perlindungan aib berfungsi bukan sahaja sebagai tanggungjawab moral individu, tetapi juga sebagai asas pembinaan masyarakat digital yang saling mempercayai, menghormati martabat manusia dan terhindar daripada permusuhan. Di samping itu, hadis mengenai penilaian Allah SWT terhadap hati dan amal memperkenalkan konsep “Integriti Digital Perspektif Islam”, iaitu pendekatan pemeliharaan data yang berpaksikan takwa, kejujuran dan amanah. Kesedaran bahawa pelanggaran privasi dan keselamatan data merupakan bentuk pengkhianatan terhadap amanah Ilahi menegaskan bahawa pengurusan data tidak boleh dipisahkan daripada dimensi rohani dan tanggungjawab moral.

Oleh itu, artikel ini menyumbang kepada perbincangan semasa dengan menawarkan satu kerangka etika privasi dan keselamatan data berasaskan hadis yang bersifat holistik, mampu melengkapi kelemahan model sekular sedia ada dan relevan merentasi konteks teknologi moden. Ia menggabungkan aspek syariah, etika dan tadbir urus digital dalam satu sistem nilai yang seimbang, praktikal dan berpaksikan kemuliaan manusia. Berdasarkan dapatan ini, kajian lanjutan disarankan ke arah pembinaan garis panduan dasar, modul latihan keselamatan data dan model tadbir urus AI yang mengintegrasikan prinsip-prinsip hadis secara lebih sistematik. Akhir sekali, nilai-nilai Nabawi menawarkan bukan sahaja penyelesaian etika, tetapi juga visi moral jangka panjang untuk membentuk dunia digital yang aman, beradab dan bertanggungjawab.

Rujukan

- Abdallah, S. (2010). Islamic ethics: An exposition for resolving ICT ethical dilemmas. *Journal of Information, Communication and Ethics in Society*, 8(3), 289–301. <https://doi.org/10.1108/14779961011071088>.
- Abu Bakar, S., Hussin, H., Ahmad, Z. A. S., & Rozani, M. A. S. (2025). Reconstructing artificial intelligence ethics through Qur’anic values of ihsan and amanah using thematic exegesis. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, 17(2, Special Issue 14), September 2025.
- Al-Bājī, Abū al-Walīd Sulaymān ibn Khalaf ibn Sa’d al-Tujībī al-Qurṭubī al-Bājī al-Andalusī. (1914). *Al-Muntaqā sharḥ al-Muwaṭṭa’* (Cetakan Pertama). Kaherah: Matba’ah al-Sa’adah.
- Al-Fayyūmī. Abū Muḥammad Ḥasan ibn ‘Alī ibn Sulaymān al-Badr al-Fayyūmī al-Qāhirī. (2018). *Faṭḥ al-Qarīb al-Mujīb ‘alā al-Targhīb wa al-Tarhīb li al-Imām al-Mundhirī* (Cetakan Pertama).
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad ibn Muḥammad. (1986). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Al-Munāwī, Muḥammad ‘Abd al-Ra’ūf. (1937). *Fayḍ al-Qadīr sharḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*. Kaherah: Al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.
- Al-Nawawī, Yaḥya ibn Sharaf. (1972). *Al-Minhāj sharḥ ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Qāḍī ‘Iyāḍ, ‘Iyāḍ bin Mūsā. (1998). *Ikmāl al-Mu’lim bi fawā’id Muslim*. Kaherah: Dār al-Wafā’.
- Al-Qanāzī’y, ‘Abd al-Raḥmān ibn Marwān ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Anṣārī, Abū al-Muṭrif al-Qanāzī’y. (2008). *Tafsīr al-Muwaṭṭa’* (Dr. ‘Āmir Ḥasan Ṣabrī, Ed.) Cetakan Pertama. Qatar: Dar al-Nawadir.
- Al-Qurṭubī, Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn ‘Umar ibn Ibrāhīm al-Qurṭubī. (1996). *Al-Mufḥim li mā ashkala min talkhīs kitāb Muslim* (Muḥyī al-Dīn Dīb Mistou - Aḥmad Muḥammad al-Sayyid - Yūsuf ‘Alī, Eds.) Cetakan Pertama. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Sa’dī, ‘Abd al-Raḥmān bin Nāṣir. (2000). *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī tafsīr kalām al-Manān*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (1991). *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī’ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu’āṣir.
- Amri, M. F. (2025). Prophetic ethics in hadith tolerance as the moral foundation of Muslims in digital interactions. *Urwatul Wutsqo: Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman*, 14(3).
- Filkins, B. L., Kim, J. Y., Roberts, B., Armstrong, W., Miller, M. A., Hultner, M. L., Castillo, A. P., Ducom, J.-C., Topol, E. J., & Steinhubl, S. R. (2016). Privacy and security in the era of digital health: What should translational researchers know and do about it? *American Journal of Translational Research*, 8(3), 1560–1580.
- Gong, Y., & Schroeder, A. (2022). A systematic literature review of data privacy and security research on smart tourism. *Tourism Management Perspectives*, 44, 101019. <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2022.101019>.
- Hasanah, U., & Busro, B. (2023). Hold your fingers: The communication ethics on WhatsApp based on the hadith. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(3), 239–254. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3903-13>.
- Herath, S. (2023). Privacy harm and non-compliance from a legal perspective. *International Journal of Information Privacy*, 5(2), 50-67.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnalhadis.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 16, No. 1 (JUNE 2026)

- Ibn Baṭṭāl, Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Khalaf ibn ‘Abd al-Malik. (2003). *Sharḥ ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl* (Abū Tamīm Yāsir ibn Ibrāhīm, Ed.) Cetakan Kedua. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Aḥmad. ibn ‘Alī. (1959). *Fath al-Bārī bi sharḥ ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar. (1998). *Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm*. Beirut. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, ‘Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad. (2000). *Jāmi‘ al-‘Ulūm wa al-Ḥikam*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Lubis, M., & Kartiwi, M. (2013). Privacy and trust in the Islamic perspective: Implication of the digital age. In *Proceedings of the 5th International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World (ICT4M)* (pp. 1–6). IEEE. <https://doi.org/10.1109/ICT4M.2013.6518898>.
- Manap, N. A., Ab Rahman, M. R., & Salleh, S. N. F. A. (2024). Big data and the deterioration of consent principle to protect health data privacy in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 550-561. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.572>.
- Masum, A. K. M., Ullah, M. C., & Azad, M. A. K. (2015). Information technology (IT) ethics in the light of Islam. *IIUC Studies*, 9, 243–260. <https://doi.org/10.3329/iiucs.v9i0.24030>.
- Noor Sureani, N. B., Awis Qurni, A. S. B., Azman, A. H. B., Othman, M. B., & Zahari, H. S. (2021). The adequacy of data protection laws in protecting personal data in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 488–495. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1087>.
- Norwawi, N. M., Ibrahim, H., & Ariffin, M. F. (2014). Promoting Islamic ethics on privacy in digital social network for user data protection and trust. *Ulum Islamiyyah*, 13, 115–127.
- Rochel, J. (2021). Connecting the dots: digital integrity as a human right. *HRLRev* 21 (2): 358–383.
- Rozani, M. A. S., & Ahmad Fuad, A. H. F. (2021). Analisis hadis Rasulullah SAW berkaitan musibah dalam Kitāb al-Mardā Ṣaḥīḥ Imam al-Bukhārī: Analysis of Prophet Muhammad’s hadiths on calamity in the book of al-Mardā Ṣaḥīḥ Imam al-Bukhārī. *HADIS*, 11(21), 658-667. <https://doi.org/10.53840/hadis.v11i21.140>.
- Saadiyah, H., Banyu Biru, I. P., & Chelsea Sivana, S. M. (2021). Social media ethics in the context of Islamic communication review of the Qur’an and as-Sunnah. *Budapest International Research and Critics Institute Journal*, 4(4), 10247–10255.
- Sholehuddin, N. (2024). A comparative legal analysis on personal data protection regulation in Indonesia, Hong Kong and Malaysia. *Journal of Financial Crime*, 29(4), 1443-1457. <https://doi.org/10.1108/JFC-01-2023-0012>.
- Trakic, A. (2023). It is time to recognize the tort of invasion of privacy in Malaysia. *International Data Privacy Law*, 13(4), 299-315. <https://doi.org/10.1093/idpl/ipad016>.
- Usman, A., & Wazir, R. (2018). The fabricated hadith: Islamic ethics and guidelines of hadith dispersion in social media. *The Turkish Online Journal of Design, Art and Communication*, 8(Special Issue), 804–808. <https://doi.org/10.7456/1080SSE/114>.